

**TATACARA PENGENDALIAN PEMAKAIAN AKTA
PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

[AKTA 711]

BIL.1 TAHUN 2021

SURUHANJAYA TENAGA

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

1.0	Pengenalan	4
2.0	Tujuan	4
3.0	Rujukan	4
4.0	Tafsiran	4
5.0	Penerimaan Aduan	6
5.1	Kaedah penerimaan aduan.	6
5.2	Panduan penerimaan/ penyerahan aduan	6
5.3	Tanggungjawab PPA berdasar kehendak Akta 711.	6
5.4	Kerahsiaan Pemberi Maklumat	7
6.0	Penentuan Bidang Kuasa Untuk Menyasat Pendedahan KTW/ Aduan TYM	7
6.1	Di bawah bidang kuasa ST.	7
6.2	Bukan di bawah bidang kuasa ST	8
7.0	Pendedahan KTW / Aduan TYM	9
7.1	Kaedah Membuat Pendedahan KTW.	9
7.2	Kaedah Pendedahan KTW Yang Tidak Disyor.	10
7.3	Pendedahan Pendedahan KTW Yang Tidak Lengkap	10
7.4	Aduan TYM	10
7.5	Aduan TYM Bukan Di bawah Bidang Kuasa ST.	10
7.6	Aduan TYM Di bawah Bidang Kuasa ST.	10
7.7	Aduan TYM Yang Tidak Berkaitan Dengan Pendedahan KTW.	10
7.8	Pemberi Maklumat Atau Orang Yang Berkaitan Dengan Pemberi Maklumat Memberi Maklumat Palsu.	11
7.10	Maklumat Palsu Yang Diberikan Tidak Mendatangkan Penganiayaan.	12
7.11	TYM Telah Diambil Terhadap Pemberi Maklumat.	13
7.12	TYM Belum Diambil Keatas Pemberi Maklumat.	13
7.13	TYM Telah Diambil Keatas Pemberi Maklumat	13
7.14	Pengurusan dan penyimpanan maklumat sulit.	13
8.0	Penentuan Kesesuaian Dijadikan Pemberi Maklumat	14
8.1	Perlindungan di bawah Akta 711.	14
8.2	Kelayakan Sebagai Pemberi Maklumat.	15
9.0	Tatacara Menerima dan Menguruskan Permohonan Daripada Pemberi Maklumat Atau Orang Yang Berkaitan Dengan Pemberi Maklumat Untuk Menguatkuasakan Remedi.	16
9.1	Penerimaan aduan.	16
9.2.	Orang Yang Berkaitan Dengan Pemberi Maklumat.	17
9.3	Tatacara menentukan orang yang mempunyai hubungan dengan pemberi maklumat.	17
9.4	Remedi.	18
10.0	Pengurusan Hasil Siasatan Pendedahan KTW/ Aduan TYM	18

10.1	Penyediaan Laporan PnP.....	18
10.2	Aduan Tak Berasas.....	19
10.3	Kesalahan Tatatertib.....	19
10.4	Kesalahan Jenayah.....	19
10.5	Mengambil Tindakan Tatatertib.....	19
10.6	Maklumkan Tiada Pendakwaan Kepada Pemberi Maklumat.	19
10.7.	Pendakwa Raya membuat keputusan untuk mendakwa.....	19
10.8	Tanggung jawab memaklum.....	19
11.0	TATACARA MENAMATKAN SESUATU PERLINDUNGAN DI BAWAH PERENGGAN 11(1)(A) - (F).....	20
11.1	Pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai KTW yang didedahkan itu.	20
11.2	Pemberi maklumat memberi kenyataan tidak benar.....	20
11.3	Pendedahan KTW itu adalah remeh atau menyusahkan.....	20
11.4	Pendedahan KTW mempersoalkan pelaksanaan dasar kerajaan.....	20
11.5	Pendedahan KTW dibuat semata-mata untuk menghalang jabatan atau majikannya mengambil tindakan terhadapnya.....	21
11.6	Pemberi maklumat melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 711.	21
11.7	Pembatalan perlindungan.	21
12.0	TATACARA MEMBERI GANJARAN KEPADA MANA-MANA PEMBERI MAKLUMAT DIMANA PENDEDAHAN KTW / ADUAN TYM OLEHNYA MENJURUS KEPADA PENGESANAN ATAU PENDAKWAAN KE ATAS SESUATU KESALAHAN	21
13.0	PEMATUHAN TATACARA	22
14.0	TARIKH KUAT KUASA.....	22
	LAMPIRAN A.....	i
	CARTA ALIRAN TATACARA MENGURUS PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR (KTW) DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010.....	i
	BORANG 1 BORANG PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010.....	ii
	BORANG 3 BORANG MAKLUMAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010.....	vii
	LAMPIRAN B.....	viii
	CARTA ALIRAN TATACARA MENGENDALIKAN DAN MENGURUSKAN ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDHARTKAN (TYM) DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010.....	viii
	BORANG 2 BORANG ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDHARTKAN DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010.....	ix
	BORANG 3 BORANG MAKLUMAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010.....	xi
	LAMPIRAN C.....	xii
	CARTA ALIRAN TATACARA KERJA PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010	xii
	BORANG 4 PERINTAH PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 11 (1) AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010.....	xiii
	LAMPIRAN D.....	xiv
	CARTA ALIRAN TATACARA MENGENDALIKAN DAN MENGURUSKAN REMEDI DARIPADA MAHKAMAH DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010	xiv

BORANG 5 BORANG PERMOHONAN REMEDI DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010.....	xv
LAMPIRAN E	xvi
PERAKUAN PENOLAKAN PERLINDUNGAN DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	xvi

BAB 4
TATACARA PENGENDALIAN PEMAKAIAN
AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]
BIL.1 TAHUN 2021

1.0 PENGENALAN

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] merupakan satu Akta untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan maklumat mengenai sebarang jenayah rasuah atau salah laku selainnya. Akta ini akan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang tindakan yang memudharatkan akibat daripada pendedahan yang telah dibuat. Ia terpakai kepada semua agensi kerajaan yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan, dan ini termasuklah Suruhanjaya Tenaga (ST).

2.0 TUJUAN

Tatacara ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tanggungjawab dan proses kerja di Suruhanjaya Tenaga dalam memberi perlindungan kepada pemberi maklumat kerana membuat pendedahan kelakuan tidak wajar, dan ini termasuklah proses menangani aduan tindakan yang memudaratkan, remedi dan ganjaran seperti yang terkandung di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].

3.0 RUJUKAN

- (a) Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] terbitan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.
- (b) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].

4.0 TAFSIRAN

"Jawatankuasa Integriti" ertinya sebuah jawatankuasa bebas yang ditubuhkan khas untuk memantau pelaksanaan UI dan membantu Ahli ST mengawasi keseluruhan isu rasuah, penipuan, penyelewengan dan tingkah laku yang tidak beretika dalam ST (selepas ini dikenali sebagai JI).

"Kelakuan Tidak Wajar" ertinya apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah. (selepas ini dikenali sebagai KTW);

“Ketua Unit Integriti” ertinya pegawai yang mengetuai Unit Integriti di ST (selepas ini akan dikenali sebagai KUI).

"Maklumat Sulit" termasuklah—

- i. maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya—
 - (a) seseorang pemberi maklumat; dan
 - (b) seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan KTW
- ii. maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan
- iii. maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudharat kepada mana-mana orang;

“Pegawai Diberi Kuasa” ertinya mana-mana pegawai Suruhanjaya Tenaga yang diberi kuasa untuk melakukan penyiasatan dan penguatkuasaan.

“Pegawai Integriti” ertinya pegawai yang menjalankan fungsi UI sebagaimana yang disarankan oleh SPRM dan berperanan membantu KUI dalam pelaksanaan empat fungsi teras UI di ST.

“Pegawai Penyelaras Aduan” ertinya pegawai UI yang menguruskan dan mengendalikan aduan integriti (selepas ini dikenali sebagai PPA).

"Pemberi Maklumat" ertinya mana-mana orang yang membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*];

“Tindakan Yang Memudharatkan” ertinya termasuklah (selepas ini dikenali TYM)—

- i. tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
- ii. ugutan atau gangguan;
- iii. gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib;
- iv. suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (i) hingga (iii).

“Unit Integriti” ertinya pegawai di Unit Integriti yang menjalankan fungsi Unit Integriti sebagaimana yang disarankan oleh SPRM. (selepas ini akan dikenali sebagai UI).

5.0 PENERIMAAN ADUAN

5.1 Kaedah penerimaan aduan.

Pemberi Maklumat yang memohon perlindungan di bawah Akta 711 perlu memaklumkan ingin mohon perlindungan di bawah Akta 711 bagi memastikan kerahsiaan dijaga, dan Pemberi Maklumat perlu;

- 5.1.1 menghadirkan diri/berjumpa sendiri di tempat yang dipersetujui kedua belah pihak,
- 5.1.2 memaklumkan yang beliau ingin memohon perlindungan di bawah Akta 711 ini; dan
- 5.1.3 mendedahkan melalui surat yang memberi maklumat dengan jelas.

5.2 Panduan penerimaan/ penyerahan aduan

Semua aduan berkenaan dengan;

- 5.2.1 kakitangan sokongan, pegawai, Timbalan Pengarah dan Pengarah akan dikendalikan oleh UI.
- 5.2.2 Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Kanan: akan dipanjangkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Integriti (JI) dan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga.
- 5.2.3 mana-mana Anggota Suruhanjaya akan dipanjangkan kepada Unit Integriti, NRECC.
- 5.2.5 Pegawai Integriti akan dipanjangkan kepada KUI
- 5.2.6 KUI akan dipanjangkan kepada Pengerusi JI.

5.3 Tanggungjawab PPA berdasar kehendak Akta 711.

Dalam memastikan tatacara ini dilaksanakan dengan berkesan, PPA adalah bertanggungjawab untuk:

- 5.3.1 Mendaftar, menyelaras penerimaan dan kerja-kerja pengesanan dan pengesahan (PnP) atau siasatan yang berkaitan.
- 5.3.2 Memastikan penyelesaian setiap aduan adalah mematuhi piagam yang telah ditetapkan.
- 5.3.3 Memantau dan membuat susulan bagi setiap aduan secara kerap dan berjadual dengan menghantar peringatan mesra melalui emel atau atau lain-lain saluran.
- 5.3.4 Memastikan aduan dan tatacara Pengurusan Aduan disampaikan dan difahami oleh pegawai-pegawai PnP/ siasatan untuk mengelakkan aduan tertunggak.
- 5.3.5 Menyelaraskan aduan yang masih dalam pengesanan dan pengesahan /siasatan dan permasalahan berbangkit bagi tujuan mengemas kini aduan dan memastikan semua aduan diambil tindakan.
- 5.3.6 Menyelaraskan perbincangan antara pengadu dengan jabatan yang berkaitan dalam menyelesaikan kes aduan (jika berkaitan).

- 5.4.7 Memberi maklum balas aduan telah diterima (jika perlu) kepada pengadu dalam masa tiga (3) hari setelah menerima aduan atau/dan seberapa sedikit kelewatan yang mungkin.
- 5.3.8 Memastikan semua aduan yang telah diselesaikan ditutup dengan sewajarnya.
- 5.3.9 Membuat laporan dan analisis secara berkala ke atas aduan yang diterima dan dilaporkan kepada JI.

5.4 Kerahsiaan Pemberi Maklumat

Memandangkan pengenalan pemberi maklumat perlu dirahsiakan maka hanya sebilangan kecil pegawai tertentu saja yang boleh menyimpan rahsia pemberi maklumat.

- 5.4.1 PPA perlu mendaftarkan pemberi maklumat (**lihat lampiran A**)
- 5.4.2 Temuduga/merakam keterangan/penerimaan dokumen dari pemberi maklumat hanya boleh dilakukan oleh Pegawai Diberi Kuasa/Pegawai Integriti.
- 5.4.3 Penyimpan maklumat (PPA) boleh memaklumkan kepada KUI berkaitan dengan pemberi maklumat bagi tujuan memaklumkan pendedahan/maklumat yang diterima dari pemberi maklumat kepada Jawatankuasa JI.
- 5.4.4 KUI akan memastikan maklum balas aduan/ surat maklum balas disampaikan kepada pengadu dalam masa tiga (3) hari setelah menerima aduan atau/dan seberapa sedikit kelewatan yang mungkin.

6.0 PENENTUAN BIDANG KUASA UNTUK MENYIASAT PENDEDAHAN KTW/ADUAN TYM

- 6.1 Di bawah bidang kuasa ST.
 - 6.1.1 Siasatan hendaklah dijalankan mengikut bidang kuasa yang telah diperuntukkan menerusi Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Akta Bekalan Gas 1993 [Akta 501] dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta-Akta tersebut dan Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610].
 - 6.1.2 Jika pendedahan KTW bukan di bawah bidang kuasa ST, pemberi maklumat hendaklah diberitahu mengenai perkara tersebut dan persetujuan pemberi maklumat perlu diperolehi untuk menyalurkan pendedahan KTW tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang bersesuaian.
 - 6.1.3 Dalam menentukan sama ada ST mempunyai bidang kuasa ke atas pendedahan KTW yang hendak dibuat oleh pemberi maklumat itu, Pegawai Diberi Kuasa/ Pegawai Integriti yang menerima pendedahan itu hendaklah bertanya pemberi maklumat itu sama ada pendedahan KTW itu melibatkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan ST atau mana-mana pegawai atau kakitangan ST.

- 6.1.4 Sekiranya pemberi maklumat mengesahkan bahawa ia melibatkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan ST atau mana-mana pegawai atau kakitangannya maka pendedahan KTW itu akan disiasat.
- 6.2 Bukan di bawah bidang kuasa ST
- 6.2.1 Jika KTW yang hendak didedahkan itu tidak melibatkan ST, Pegawai Diberi Kuasa/Pegawai Integriti itu hendaklah menerangkan kepada pemberi maklumat bahawa ST tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas pendedahan KTW itu, dan dalam keadaan sedemikian KTW yang hendak didedahkan oleh pemberi maklumat itu perlu disalurkan kepada agensi penguatkuasaan lain yang mempunyai bidang kuasa untuk mengendalikan siasatan ke atas KTW yang hendak didedahkan itu.
- 6.2.2 Dalam kes di mana ST yang menerima aduan TYM tetapi tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat aduan tersebut, ST akan merujuk aduan tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas kes aduan TYM itu. Pemberi maklumat hendaklah dimaklumkan berkenaan perkara tersebut.
- 6.2.3 Jika pemberi maklumat tidak bersetuju siasatan tersebut dijalankan oleh agensi penguatkuasaan yang lain, Pegawai Diberi Kuasa/Pegawai Integriti yang menerima pendedahan KTW tersebut hendaklah merekodkan perkara tersebut, meminta pemberi maklumat mengesahkan perkara tersebut dan memaklumkan kepada KUI alasan pemberi maklumat mengenai perkara ini.
- 6.2.4 Sekiranya pemberi maklumat itu enggan memberikan pengesahan, Pegawai Diberi Kuasa/Pegawai Integriti itu hendaklah;
- 6.2.4.1 mencatatkan tentang keengganan pemberi maklumat untuk pendedahan KTW itu disalurkan kepada agensi penguatkuasaan yang bersesuaian untuk menyiasat ke atas pendedahan KTW itu dan sebab-sebab dia enggan berbuat demikian berserta dengan waktu, tarikh dan tempat; dan
- 6.2.4.2 memaklumkan KUI mengenai perkara itu.
- 6.2.5 Makluman kepada KUI yang dirujuk di perenggan 6.2.4 di atas hendaklah dibuat secepat mungkin jika berlaku sebarang kelewatan, Pegawai Diberi Kuasa/Pegawai Integriti yang membuat makluman tersebut perlu memberi penjelasan tentang sebab kelewatan tersebut.
- 6.2.6 Jika ST mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas sesuatu pendedahan KTW, ST akan menentukan sama ada wujud merit untuk menyiasat atau tidak ke atas pendedahan KTW itu. Sekiranya ST mendapati tiada merit untuk menyiasat ke atas mana-mana pendedahan KTW, ST akan memaklumkan kepada pemberi maklumat mengenai perkara itu dalam tempoh 14 hari setelah laporan disediakan.

- 6.2.7 Setiap penyiasatan hendaklah dijalankan mengikut bidang kuasa ST yang sedia ada.
- 6.2.8 Jika pemberi maklumat bersetuju penyiasatan ke atas pendedahan KTW tersebut disalurkan kepada agensi penguatkuasaan yang lain, Pegawai Diberi Kuasa/ Pegawai Integriti yang menerima pendedahan KTW itu akan menyalurkan pendedahan KTW tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan. Dalam keadaan ini, agensi penguatkuasaan yang disalurkan pendedahan KTW tersebut adalah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan perlindungan di bawah Akta ini.
- 6.2.9 Dalam kes apabila pemberi maklumat tidak bersetuju bahawa pendedahan KTW yang dibuat olehnya disiasat oleh agensi penguatkuasaan yang lain yang mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas pendedahan KTW yang dibuat olehnya seperti yang dirujuk di perenggan 6.2.3 di atas, pemberi maklumat tetap boleh mendapat perlindungan di bawah Akta 711 menerusi subseksyen 7(1). Jika pemberi maklumat ingin menguatkuasakan mana-mana perlindungan di bawah Akta 711, agensi penguatkuasaan yang mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas pendedahan KTW yang dibuat olehnya hendaklah menjadi agensi penguatkuasaan yang akan menguatkuasakan perlindungan di bawah Akta 711.
- 6.2.10 Dalam kes yang dirujuk di dalam perenggan 6.2.9 di atas, jika ST tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat pendedahan KTW itu tetapi menerima permintaan untuk menguatkuasakan perlindungan di bawah Akta ini, akan menyalurkan permintaan tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas pendedahan KTW untuk menguatkuasakan perlindungan di bawah Akta ini kepada pemberi maklumat tersebut.

7.0 PENDEDAHAN KTW / ADUAN TYM

7.1 Kaedah Membuat Pendedahan KTW.

Carta aliran tatacara mengurus pendedahan KTW adalah seperti di **Lampiran A**. Kaedah membuat pendedahan KTW yang akan membolehkan perlindungan di bawah Akta 711 dipertimbangkan adalah menerusi cara berikut;

- i. Kehadiran sendiri pemberi maklumat sama ada di pejabat ST atau di mana-mana tempat lain pemberi maklumat itu berjumpa dengan Pegawai Diberi Kuasa/ Pegawai Integriti untuk membuat pendedahan KTW itu; atau
- ii. Pendedahan yang dibuat secara surat yang memberikan maklumat yang jelas tentang nama, pengenalan dan alamat pemberi maklumat itu dan bagaimana dia boleh dihubungi, atau

- iii. Mana-mana kaedah yang berkeupayaan untuk tidak mendedahkan atau mengakibatkan maklumat sulit atau mana-mana bahagian daripadanya terdedah atau bocor kepada mana-mana pihak lain.
- iv. Mengisi Borang Pendedahan KTW (**Borang 1** Borang Pendedahan KTW – sila rujuk Lampiran A)

7.2 Pendedahan KTW Selain Daripada Kaedah Yang Tidak Disyorkan.

Mana-mana pendedahan KTW yang dibuat selain daripada kaedah yang ditetapkan hendaklah dianggap sebagai pendedahan yang tidak mematuhi tatacara ini. Walau bagaimanapun pendedahan tersebut boleh diterima dan siasatan boleh dibuat walaupun perlindungan di bawah Akta 711 tidak diberikan.

7.3 Pendedahan Pendedahan KTW Yang Tidak Lengkap

Pendedahan melalui surat layang, sms, e-mail atau surat yang tidak mempunyai maklumat lengkap tentang pengenalan atau alamat di mana pemberi maklumat boleh dihubungi dianggap tidak memenuhi syarat pematuhan mendapatkan perlindungan di bawah subseksyen 7(1) Akta 711.

ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

7.4 Aduan TYM

Pemberi maklumat atau mana-mana orang yg berkaitan dengan pemberi maklumat boleh membuat aduan TYM dengan mengisi **Borang 2** – Borang Aduan Tindakan Yang Memudaratkan. ST akan menentukan jenis TYM yang jatuh di bawah bidang kuasanya. Pemberi Maklumat atau mana-mana orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat boleh membuat aduan TYM. Carta aliran tatacara mengendalikan dan menguruskan aduan TYM adalah seperti di **Lampiran B**.

7.5 Aduan TYM Bukan Di bawah Bidang Kuasa ST.

Jika ST tiada kuasa untuk menyiasat ke atas aduan TYM yang diadu, ia akan merujuk aduan TYM tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang bersesuaian/ berkenaan dan memaklumkan perkara itu kepada pemberi maklumat (sila rujuk Rajah 1).

7.6 Aduan TYM Di bawah Bidang Kuasa ST.

Jika TYM yang diadukan tersebut jatuh di bawah bidang kuasa ST, siasatan akan diadakan untuk menentukan —


- i. siapakah yang telah melakukan TYM tersebut; dan
- ii. bahawa TYM tersebut telah diambil sebagai tindakan balas ke atas pendedahan KTW yang dibuat oleh pemberi maklumat.

7.7 Aduan TYM Yang Tidak Berkaitan Dengan Pendedahan KTW.

7.7.1 Jika hasil siasatan menunjukkan pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat membuat aduan TYM yang tidak berkaitan dengan pendedahan KTW yang dibuat oleh pemberi maklumat, pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tersebut tidak berhak untuk mendapatkan remedi di bawah Akta 711.

7.8 Pemberi Maklumat Atau Orang Yang Berkaitan Dengan Pemberi Maklumat Memberi Maklumat Palsu.

Jika seseorang pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat memberi maklumat palsu ketika membuat aduan TYM, dia tidak boleh dilindungi daripada imuniti tanggungan sivil, tatatertib atau jenayah. Imuniti daripada tanggungan sivil, tatatertib atau jenayah diberikan terhadap pendedahan KTW yang dibuat olehnya sahaja.



Rajah 1: Carta Aliran Memproses Aduan TYM

7.10 Maklumat Palsu Yang Diberikan Tidak Mendatangkan Penganiayaan.

Jika kesan maklumat palsu yang diberikan tidak mendatangkan penganiayaan kepada mana-mana orang sebagai bertanggungjawab melakukan TYM itu, pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat itu berhak untuk mendapatkan remedi. Pemberi maklumat hendaklah mengisi **Borang 5 (Lampiran D, Borang 5 – Borang Permohonan Remedi)**.

7.11 TYM Telah Diambil Terhadap Pemberi Maklumat.

Jika TYM telah diambil terhadap seseorang pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat, ia boleh membuat aduan TYM kepada ST di bawah subseksyen 10(2). Aduan TYM tersebut hendaklah disiasat sama seperti siasatan ke atas pendedahan KTW dan pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat hendaklah dimaklumkan tentang hasil siasatan tersebut (**Borang 3 – Borang Makluman Kepada Pemberi Maklumat, Lampiran B**). Pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat boleh membuat permintaan di bawah seksyen 15 untuk mendapatkan remedi.

7.12 TYM Belum Diambil Ke atas Pemberi Maklumat.

Jika TYM belum diambil tetapi pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat bimbang TYM akan diambil terhadapnya, ia masih boleh membuat permintaan untuk mendapatkan remedi di bawah seksyen 15(1)(b), ST akan menyiasat sama ada terdapat sebab yang munasabah untuk kebimbangan tersebut dan menentukan bentuk remedi yang bersesuaian untuk dipohon bagi pihak pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat.

7.13 TYM Telah Diambil Ke atas Pemberi Maklumat Tiada Kaitan Dengan Aduan KTW

Jika terdapat TYM diambil ke atas pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat dan penyiasatan menunjukkan bahawa TYM tersebut tiada kaitan dengan KTW yang didedahkan, Jawatankuasa Integriti (JI) akan menentukan —

7.13.1 sebab TYM diambil terhadap pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tersebut; dan

7.13.2 sama ada pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tahu bahawa TYM tersebut tiada kaitan dengan pendedahan KTW yang dibuat oleh pemberi maklumat.

7.14 Pengurusan dan penyimpanan maklumat sulit.

7.14.1 Pengurusan berkaitan dengan penerimaan dan penjagaan maklumat sulit dengan memberi keutamaan bagi memastikan keselamatan ke atas maklumat sulit itu dilindungi daripada didedahkan, terdedah atau bocor kepada mana-mana pihak lain.

7.14.2 Sesiapa yang menerima maklumat sulit atau mana-mana bahagiannya kerana keperluan dalam menjalankan siasatan hendaklah memastikan maklumat sulit itu sentiasa dilindungi daripada didedahkan atau dibocorkan kepada mana-mana orang lain.

7.14.3 Pegawai penyiasat yang terlibat dalam siasatan dan pemberi maklumat adalah bertanggungjawab merahsiakan dan melindungi maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan tugas. Tindakan tatatertib boleh dikenakan

sekiranya didapati membocorkan butiran aduan dan hasil siasatan kepada mana-mana pihak lain.

- 7.14.4 Kegagalan untuk melindungi maklumat sulit juga merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 8(1) Akta 711 dan boleh dipertanggungkan di bawah subseksyen 8(4).
- 7.14.5 Semua dokumen bertulis hendaklah ditandakan sebagai 'SULIT' dan maklumat digital hendaklah disimpan dalam komputer yang berdiri sendiri iaitu sistem yang boleh bekerja tanpa sokongan sistem lain, atau tanpa disambungkan pada sistem lain (stand alone).
- 7.14.6 Semua dokumen 'SULIT' hendaklah disimpan ke dalam kabinet besi yang berpaling. Maklumat peribadi pemberi maklumat digolongkan sebagai maklumat 'SULIT' dan akan disimpan selayaknya sebagai maklumat yang sulit.
- 7.14.7 Semua laporan dan pengenalan pemberi maklumat akan dilayan dengan cara yang sulit dan teliti.

8.0 PENENTUAN KESESUAIAN DIJADIKAN PEMBERI MAKLUMAT

8.1 Perlindungan di bawah Akta 711.

8.1.1 Syarat-syarat perlindungan.

Sesuatu pendedahan KTW yang diterima di bawah subseksyen 6(1) Akta 711 yang boleh diberi perlindungan di bawah Akta ini hendaklah memenuhi tiga (3) pertimbangan yang berikut-

- i. Kebolehan untuk menentukan identiti, alamat dan kebolehan untuk menghubungi pemberi maklumat;
- ii. Kebolehan/ keupayaan untuk melindungi maklumat sulit;
- iii. Maklumat yang terkandung didalam pendedahan KTW itu tidak terlarang di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti akta sedia ada yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat, Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88], Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] (BAFIA), Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166] dan akta-akta lain.

8.1.2 Jenis-Jenis Perlindungan di bawah Akta 711 adalah seperti berikut;

- i. perlindungan maklumat sulit seperti maklumat mengenai identiti, pekerjaan, alamat kediaman, tempat perkerjaan dan lain-lain; (Subseksyen 7(1)(a) Akta 711;
- ii. kekebalan daripada tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut. (Subseksyen 7(1)(b) Akta 711;

iii. Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang TYM dari pendedahan yang telah dibuat. (Subseksyen 7(1)(c) Akta 711; Perlindungan daripada TYM turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan / hubungan dengan pemberi maklumat. (Subseksyen 7(3) Akta 711.

8.1.3 Pemberi maklumat tidak boleh diberi perlindungan.

Berdasarkan Akta 711 jika pemberi maklumat;

- i. sebelum membuat pendedahan KTW kepada ST, telah mendedahkan maklumat berkaitan dengan KTW itu atau mana-mana bahagian maklumat tersebut kepada mana-mana pihak lain selain daripada mana-mana agensi penguatkuasaan yang lain;
- ii. setelah membuat pendedahan KTW kepada ST, telah mendedahkan maklumat berkaitan dengan KTW itu atau mana-mana bahagian maklumat tersebut kepada mana-mana pihak lain selain daripada mana-mana agensi penguatkuasaan yang lain;

tidak boleh diberi perlindungan di bawah Akta ini kerana perlindungan maklumat sulit tidak dapat dikuatkuasakan atau telah dilanggar. Sementara itu perlindungan di bawah Akta 711 pula hendaklah—

- i. tidak boleh diberikan; atau
- ii. jika telah diberikan, hendaklah tertakluk untuk dibatalkan.

8.2 Kelayakan Sebagai Pemberi Maklumat.

8.2.1. Perlindungan pemberi maklumat di bawah Akta 711 adalah layak diberikan kepada seseorang yang membuat pendedahan KTW dan bukan merupakan —

- i. mangsa kejadian; atau
- ii. seseorang yang berupaya untuk menjadi saksi utama berdasarkan kepada pengetahuannya secara langsung atau penglibatannya secara langsung melainkan keterangan itu boleh diperolehi dan dikemukakan oleh mana-mana saksi lain.

8.2.2. Sekiranya seseorang pemberi maklumat itu tergolong di dalam golongan di atas sewajarnya mereka dijadikan saksi dan diberikan perlindungan di bawah program perlindungan saksi jika takut atau bimbang akan keselamatan mereka.

8.2.3 Sekiranya pemberi maklumat yang dirujuk dalam perenggan 8.2.1 di atas masih enggan menjadi saksi, mereka hendaklah diberikan perlindungan pemberi maklumat dengan syarat mereka hendaklah dimaklumkan bahawa tindakan lanjut untuk pendakwaan kes tersebut mungkin akan terjejas kerana ketiadaan saksi atau keupayaan untuk berjaya dalam sesuatu kes pendakwaan mungkin terjejas kerana ketiadaan saksi utama.

- 8.2.4 Maklumat yang diperolehi daripada pemberi maklumat ini bolehlah diadakan sebagai maklumat untuk perisikan (intelligence information) kepada agensi penguatkuasaan untuk memantau dan mengikuti aktiviti dan kegiatan suspek berkaitan dengan apa-apa perbuatan salah laku.
- 8.2.5 Sekiranya seseorang pemberi maklumat yang tergolong di dalam perenggan 8.2.1 masih menginginkan perlindungan pemberi maklumat diberikan kepadanya tetapi enggan dijadikan saksi, Pegawai Diberi Kuasa/ Pegawai Integriti akan membuat catatan di dalam borang pendedahan KTW itu berserta dengan sebab-sebab yang diminta oleh pemberi maklumat itu dan ditandatangani oleh pemberi maklumat tersebut berserta tarikh, waktu, tempat dan memaklumkan pihak atasannya mengenai perkara ini.
- 8.2.6 Sekiranya pemberi maklumat itu enggan menandatangani borang pendedahan KTW itu, Pegawai Diberi Kuasa/ Pegawai Integriti itu akan mencatatkan bahawa pemberi maklumat enggan menandatangani borang pendedahan KTW tersebut dan sebab-sebab dia enggan berbuat demikian berserta dengan waktu, tarikh dan tempat dan memaklumkan pihak atasannya mengenai perkara itu.

9.0 TATACARA MENERIMA DAN MENGURUSKAN PERMOHONAN DARIPADA PEMBERI MAKLUMAT ATAU ORANG YANG BERKAITAN DENGAN PEMBERI MAKLUMAT UNTUK MENGUATKUASAKAN REMEDI.

9.1 Penerimaan aduan.

- 9.1.1 Pegawai Diberi Kuasa/ Pegawai Integriti yang menerima sesuatu pendedahan KTW yang dibuat secara lisan hendaklah merekodkan pendedahan tersebut secara bertulis dan membaca kembali pendedahan KTW itu kepada pemberi maklumat dan mendapat pengesahan dari pemberi maklumat mengenai ketepatan isi kandungan maklumat dalam pendedahan KTW tersebut.
- 9.1.2 Sekiranya pemberi maklumat berpuas hati dengan pendedahan KTW yang direkodkan oleh Pegawai Diberi Kuasa/ Pegawai Integriti itu, pemberi maklumat hendaklah menandatangani sebagai bukti pengakuan bahawa dia telah membuat pendedahan KTW itu.
- 9.1.3 Jika pemberi maklumat itu enggan membuat pendedahan KTW secara bertulis atau enggan menandatangani apa-apa catatan yang direkodkan oleh pegawai yang menerima pendedahan KTW itu, alternatif yang dapat diguna pakai ialah pegawai yang menerima pendedahan itu hendaklah mencatatkan/merekodkan pendedahan tersebut secara bertulis dan menandatangani catatan tersebut berserta masa dan tarikh pendedahan itu diterima olehnya dan memaklumkan kepada pihak atasannya mengenai perkara ini.

- 9.1.4 Pegawai itu juga hendaklah mencatatkan bahawa pemberi maklumat enggan menandatangani dokumen yang mengandungi maklumat pendedahan KTW yang dibuat olehnya dan sebab-sebab dia enggan berbuat demikian. Dalam keadaan yang sedemikian, perlindungan di bawah Akta 711 hendaklah juga diberikan kepada pemberi maklumat selagi ia tidak dilarang oleh proviso kepada subseksyen 6(1).
 - 9.1.5 Setiap pemberi maklumat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan hendaklah didaftarkan dalam buku daftar.
- 9.2. Orang Yang Berkaitan Dengan Pemberi Maklumat.
- 9.2.1 Pemberi maklumat adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan akan nama-nama orang yang mempunyai hubungan dengannya dan menjelaskan bagaimana hubungan tersebut wujud;
 - 9.2.2 Perlindungan terhadap aduan TYM boleh diberikan kepada pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan pemberi maklumat asalkan hubungan antara pemberi maklumat dan orang yang ada hubungan dengannya itu tidak terlalu jauh;
 - 9.2.3 Penentuan hubungan antara pemberi maklumat dan orang yang dinamakan olehnya bergantung kepada fakta setiap kes dan kes terdahulu dijadikan sebagai rujukan;
 - 9.2.4 Ketika membuat siasatan ke atas aduan TYM atau jika tiada aduan TYM dibuat tetapi menerima permohonan untuk menguatkuasakan remedi di bawah perenggan 15(1)(b) Akta 711, menentukan bentuk hubungan diantara pemberi maklumat dengan orang yang mempunyai hubungan dengannya, jika berkenaan, dan bahawa TYM yang dialami olehnya adalah akibat daripada pemberi maklumat membuat pendedahan KTW yang berkenaan di bawah Akta 711.
- 9.3 Tatacara menentukan orang yang mempunyai hubungan dengan pemberi maklumat.
- Jika pemberi maklumat tidak memaklumkan nama-nama orang yang mempunyai hubungan dengannya, maka bolehlah dibuat seperti berikut—
- 9.3.1 apabila seseorang datang kepada ST dan mengakui bahawa ia mempunyai kaitan dengan pemberi maklumat yang telah membuat suatu pendedahan KTW di bawah Akta 711 untuk membuat aduan TYM, ST akan meminta orang tersebut menjelaskan bagaimana hubungannya dengan pemberi maklumat itu wujud;
 - 9.3.2 selepas ST menerima aduan tersebut, Pegawai Yang Diberi Kuasa/ Pegawai Integriti akan menyiasat dan menentukan bahawa TYM yang diambil terhadap orang itu adalah akibat pendedahan KTW yang dibuat oleh pemberi maklumat;

- 9.3.3 jika pemberi maklumat boleh dihubungi, ST boleh menghubungi pemberi maklumat tersebut untuk mendapatkan pengesahan tentang orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat yang membuat aduan TYM itu; dan
- 9.3.4 jika pemberi maklumat tidak dapat dihubungi, ST akan membuat ketentuan bahawa hubungan antara pemberi maklumat dan orang yang membuat aduan TYM tersebut tidak terlalu jauh.

9.4 Remedi.

- 9.4.1 Jika pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat membuat permintaan untuk mendapatkan remedi;
- i. dalam masa 3 bulan selepas mendapatkan laporan hasil penyiasatan ST, bahawa TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW telah dibuat olehnya; atau
 - ii. pada bila-bila masa yang pemberi maklumat bimbang bahawa TYM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW akan diambil terhadapnya
- maka adalah menjadi tanggungjawab ST untuk membuat permohonan menguatkuasakan remedi bagi pihak pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat boleh menuntut remedi yang berikut daripada mahkamah:
- i. ganti rugi atau pampasan;
 - ii. injunksi; atau
 - iii. apa-apa relif lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

9.4.2 Kos untuk memfail permohonan di mahkamah hendaklah dituntut daripada orang yang mengambil TYM terhadap pemberi maklumat atau orang yang berhubungan dengannya tersebut.

9.4.3 Jika pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat bercadang untuk menuntut remedi melalui peguamnya sendiri selepas membuat permohonan kepada ST, pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tersebut hendaklah memberitahu ST mengenai perkara itu.

9.4.4 ST akan menyerahkan apa-apa dokumen mengenai permohonan tersebut kepada peguam pilihan pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat dan apa-apa perbelanjaan yang telah ditanggung oleh ST setakat itu hendaklah dibayar oleh pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tersebut.

10.0 PENGURUSAN HASIL SIASATAN PENDEDAHAN KTW/ ADUAN TYM

10.1 Penyediaan Laporan PnP.

ST hendaklah menyediakan laporan PnP ke atas siasatan pendedahan KTW/ aduan TYM. Laporan itu hendaklah, antara lain, mengandungi hasil dapatan dan syor untuk tindakan selanjutnya.

10.2 Aduan Tak Berasas

Sekiranya laporan menunjukkan pendedahan KTW atau aduan TYM tidak berasas, pemberi maklumat jika perlu hendaklah dimaklumkan dalam tempoh yang tidak melebihi 14 hari setelah laporan disediakan.

10.3 Kesalahan Tatatertib

Jika KTW atau aduan TYM tersebut menunjukkan kesalahan tatatertib, pejabat/ majikan orang yang diadukan itu hendaklah dimaklumkan dan dikemukakan laporan dan syor siasatan tersebut di dalam tempoh yang tidak melebihi 14 hari setelah laporan disediakan.

10.4 Kesalahan Jenayah

Jika KTW atau aduan TYM itu terjumlah kepada suatu kesalahan jenayah, laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pendakwa Raya.

10.5 Mengambil Tindakan Tatatertib.

Pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan atau pihak berkuasa lain yang berkenaan dalam hal badan awam atau kepada majikan atau orang lain yang berkenaan dalam hal badan Jabatan yang menerima laporan dan syor di bawah perenggan 10.3 di atas hendaklah mengambil tindakan tatatertib dalam masa 6 bulan selepas menerima laporan hasil siasatan tersebut dan memaklumkan kepada agensi penguatkuasaan akan hasil keputusan tindakan tatatertib itu atau mengemukakan sebab-sebab jika tiada tindakan tatatertib diambil, mengikut mana yang berkenaan.

10.6 Maklumkan Tiada Pendakwaan Kepada Pemberi Maklumat.

Jika Pendakwa Raya memutuskan untuk tidak mendakwa, UI hendaklah memaklumkan kepada pemberi maklumat dalam masa 14 hari daripada tarikh mendapat keputusan pendakwa raya.

10.7. Pendakwa Raya membuat keputusan untuk mendakwa.

Jika Pendakwa Raya membuat keputusan untuk mendakwa, UI hendaklah mendapatkan laporan berkala mengenai kes itu daripada Pendakwa Raya sehingga kes tersebut diputuskan dan keputusan kes itu hendaklah dimaklumkan kepada pemberi maklumat dalam masa 14 hari daripada tarikh mendapat keputusan pendakwaan dimeterai.

10.8 Tanggung jawab memaklum

Tanggung jawab UI untuk memaklumkan kepada pemberi maklumat akan perkara-perkara yang dirujuk dalam Bahagian ini adalah tertakluk kepada alamat atau nombor telefon terakhir pemberi maklumat yang diketahui atau diberikan oleh pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan.

11.0 TATACARA MENAMATKAN SESUATU PERLINDUNGAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 11(1)(a) - (f)

Carta aliran pembatalan perlindungan kepada Pemberi Maklumat adalah seperti di **Lampiran C**. Perlindungan ini akan kekal selama-lamanya kecuali dibatalkan sekiranya agensi penguatkuasaan berpendapat, berdasarkan penyiasatannya atau dalam perjalanan penyiasatannya bahawa:

11.1 Subseksyen 11(1)(a) – Pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai KTW yang didedahkan itu.

Jika pemberi maklumat memberi alasan bahawa dia tidak tahu dia terlibat dengan KTW yang didedahkan atau telah dipaksa untuk turut sama terlibat dalam KTW tersebut, perlindungan pemberi maklumat akan juga dibatalkan di bawah subseksyen ini. Terpulanglah kepada pemberi maklumat untuk berkerjasama dengan ST untuk membantu dalam penyiasatan dan menjadi saksi jika perlu, sebagai "plea bargain" untuk melepaskan dirinya daripada turut didakwa.

11.2 Subseksyen 11(1)(b) – Pemberi maklumat dengan sengaja dalam membuat pendedahan kelakuan tidak wajarnya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar.

Sekiranya sesuatu maklumat yang didedahkan adalah —

- (a) berdasarkan kepercayaan munasabah pemberi maklumat tersebut; atau
- (b) pemberi maklumat tersebut tidak tahu bahawa maklumat tersebut tidak benar, dia tidak perlu menentukan sama ada maklumat tersebut adalah benar atau tidak kerana pendedahan KTW yang dibuat adalah bersandarkan kepada pengetahuan yang munasabah oleh pemberi maklumat itu.

Dalam kedua-dua kes ini, perlindungan pemberi maklumat tersebut kekal.

11.3 Subseksyen 11(1)(c) – Pendedahan KTW itu adalah remeh atau menyusahkan. Penentuan sama ada sesuatu pendedahan adalah remeh-temeh bergantung kepada fakta kes.

11.4 Subseksyen 11(1)(d) – Pendedahan KTW mempersoalkan merit dasar kerajaan terutamanya, termasuk dasar sesuatu badan awam.

ST akan memperoleh maklumat jelas bahawa pendedahan KTW tersebut dibuat semata-mata untuk mempersoalkan, mempertikaikan, mengganggu atau

menjejaskan pelaksanaan dasar kerajaan terutamanya, termasuk dasar sesuatu badan awam sebelum memutuskan untuk membatalkan perlindungan di bawah perenggan ini.

11.5 Subseksyen 11(1)(e) – Pendedahan KTW dibuat semata-mata atau sebahagian besarnya dengan motif untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain.

ST akan membuktikan bahawa pemberi maklumat telah membuat pendedahan untuk menghalang jabatan atau majikannya mengambil tindakan terhadapnya berhubung dengan kesalahan yang telah dilakukan olehnya sebelum pendedahan KTW tersebut. Dalam keadaan ini, ST hendaklah berpuas hati dengan rangkaian keterangan yang dapat mewujudkan pertalian antara pendedahan KTW tersebut untuk menghalang tindakan diambil ke atas kesalahan yang telah pemberi maklumat tersebut lakukan.

11.6 Subseksyen 11(1)(f) – Pemberi maklumat, dalam perjalanan membuat pendedahan itu atau memberikan maklumat lanjut, melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 711 iaitu sama ada:

- i. mendedahkan maklumat sulit; subseksyen 8(4);
- ii. membuat pernyataan palsu : seksyen 21;
- iii. menghalang pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan tanggungjawabnya: seksyen 22;
- iv. memusnahkan, memalsukan dan sebagainya dokumen seksyen 23;
- v. bersubahat atau percubaan untuk melakukan kesalahan di bawah Akta ini: seksyen 24.

11.7 Pembatalan perlindungan.

11.7.1 Pembatalan perlindungan tersebut hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada pemberi maklumat (**Lampiran C, Borang 4 – Perintah Pembatalan**), tertakluk kepada alamat atau nombor telefon terakhir pemberi maklumat yang diketahui atau diberikan oleh pemberi maklumat kepada ST

11.7.2 Pemberi maklumat boleh merujuk keputusan ST untuk membatalkan perlindungan di bawah Akta ini kepada mahkamah jika dia tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut.

12.0 TATACARA MEMBERI GANJARAN KEPADA MANA-MANA PEMBERI MAKLUMAT DI MANA PENDEDAHAN KTW / ADUAN TYM OLEHNYA MENJURUS KEPADA PENGESANAN ATAU PENDAKWAAN KE ATAS SESUATU KESALAHAN

12.1 Ganjaran boleh diberi kepada pemberi maklumat bagi pengesanan kes KTW atau TYM atau pendakwaan orang yang diadukan telah melakukan KTW atau TYM tersebut mengikut formula dan kadar yang ditentukan oleh ST.

13.0 PEMATUHAN TATACARA


13.1 Tatacara ini merupakan Piawai Tatacara Pengendalian (PTK/SOP) bagi pemakaian Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]; dan

13.2 Pematuhan PTK ini adalah dianggap sah dan berkuat kuasa sehingga dipinda atau diganti dengan satu PTK yang baru.

14.0 TARIKH KUAT KUASA

Tatacara ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**CARTA ALIRAN
TATACARA MENGURUS PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR (KTW)
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**



**BORANG PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR DI BAWAH
AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

NO RUJUKAN: _____

Sila baca dengan teliti sebelum mengisi borang di bawah.

A	BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMBERI MAKLUMAT		
1	Nama*		
2	No. Kad Pengenalan/ No.Tentera/ Pasport)* <i>(Lampirkan salinan kad pengenalan)</i>		
3	Jantina*		
4	Bangsa*		
5	Alamat Surat-Menyurat*		
6	No. Telefon	Rumah:	Pejabat:
		Bimbit:	
7	Bahasa Pertuturan		
8	Nama Penterjemah		
9	Alamat Emel		
10	Pekerjaan		
11	Nama dan Alamat Majikan		
12	No. Telefon Majikan		

B	MAKLUMAT PIHAK YANG DIADU YANG TERLIBAT DENGAN KELAKUAN TIDAK WAJAR <i>(Walaupun tiada maklumat orang yang diadu siasatan tetap akan dijalankan)</i>	
1. (a)	Nama Individu Yang Diadu <i>(jika diketahui)</i>	
	No.Kad Pengenalan/ No. Tentera/ Pasport <i>(jika diketahui)</i>	
	Jawatan Individu yang Terlibat <i>(jika diketahui)</i>	
	Nama Jabatan/ Agensi/ Syarikat <i>(jika diketahui)</i>	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan orang yang diadu	
(b)	Nama Individu Yang Diadu <i>(jika diketahui)</i>	
	No.Kad Pengenalan/ No. Tentera/ Pasport <i>(jika diketahui)</i>	
	Jawatan Individu yang Terlibat <i>(jika diketahui)</i>	
	Nama Jabatan/ Agensi/ Syarikat <i>(jika diketahui)</i>	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan orang yang diadu	
(c)	Nama Individu Yang Diadu <i>(jika diketahui)</i>	
	No.Kad Pengenalan/ No. Tentera/ Pasport <i>(jika diketahui)</i>	
	Jawatan Individu yang Terlibat <i>(jika diketahui)</i>	
	Nama Jabatan/ Agensi/ Syarikat <i>(jika diketahui)</i>	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan orang yang diadu	

SULIT

NO RUJUKAN: _____

2.	Butiran Kelakuan Tidak Wajar	Tarikh:	
		Masa:	
		Tempat:	
		
		
		
3.	Adakah Anda Pernah Melaporkan Perkara Ini Kepada Agensi/ Jabatan Lain?	YA	TIDAK
		Jika YA, nyatakan:	
		(i) Nama Pegawai yang telah menerima laporan	
		
		(ii) Kementerian/ Jabatan yang telah menerima laporan	
		
		(iii) Tarikh laporan dibuat	
		
		(iv) Status Kes Yang Diadukan	
		
.....			
.....			

Peringatan :

- Sila kemukakan dokumen sokongan jika ada.
- Jika ruang tidak mencukupi gunakan helaian tambahan

SULIT

NO RUJUKAN: _____

C	PENGAKUAN
1	Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar.
2	Saya faham bahawa dengan menandatangani borang ini saya dan mana-mana orang yang mempunyai hubungan rapat dengan saya akan mendapat perlindungan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 7 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
3	Saya faham sekiranya pendedahan ini didapati palsu atau melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, saya akan didakwa dan perlindungan terhadap saya akan dibatalkan.
4	Saya bersetuju tidak bersetuju supaya maklumat ini boleh dimajukan kepada Jabatan lain yang berkenaan untuk disiasat sekiranya pendedahan ini bukan di bawah bidang kuasa Agensi Penguatkuasaan ini.

Tandatangan: _____
Nama : _____
Tarikh : _____

Untuk kegunaan pejabat

No. Rekod : _____
Pegawai yang menerima aduan : _____
Tarikh : _____

Keputusan Pengarah/ Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit/ Seksyen/ Sektor

- Layak mendapat perlindungan
- Tidak layak mendapat perlindungan, kerana dilarang oleh proviso seksyen 6
- Tidak layak mendapat perlindungan, kerana lebih sesuai menjadi saksi
- Siasat dan lapor
- Salur maklumat kepada Jabatan/ Agensi
.....

.....
Pengarah/ Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit

**BORANG MAKLUMAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

NO RUJUKAN: _____

.....
.....
(Nama & Alamat Pemberi Maklumat)
.....
.....

Tuan,

MAKLUMAN HASIL PENYIASATAN NO RUJUKAN FAIL :

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Selaras dengan seksyen 13(4) atau 14(6) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dengan ini dimaklumkan bahawa hasil siasatan oleh Jabatan / Bahagian ini ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudharatkan dan keterangan yang dikemukakan pada (tarikh) adalah seperti berikut :-

i. _____

ii. _____

iii. _____

3. Kerjasama pihak tuan diucapkan ribuan terima kasih.


.....
Tandatangan Pegawai:

Nama :

Jawatan:

Tarikh:

**CARTA ALIRAN
TATACARA MENGENDALIKAN DAN
MENGURUSKAN ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN (TYM)
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**



**BORANG ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

NO RUJUKAN:

1. Nama: _____
2. No.Kad Pengenalan/ No.Tentera/ Pasport: _____
3. Jantina: Lelaki Perempuan
4. Hubungan dengan Pemberi Maklumat (Jika berkaitan): _____
5. Nombor rujukan Fail Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (Jika Berkaitan): _____
6. Tarikh Keputusan Siasatan Pendedahan
Kelakuan Tidak Wajar? : (Jika Berkaitan) hb bulan tahun
7. Alamat Surat Menyurat : _____

8. No. Telefon Rumah : _____ Pejabat: _____ Bimbit: _____
9. Bahasa Pertuturan: _____
10. Nama Penterjemah: _____
11. Pekerjaan : _____
12. Maklumat Tindakan memudharatkan yang Dihadapi:
 - i) Nama Orang/ Majikan yang diadu : _____
 - ii) Alamat Orang/ Majikan yang diadu : _____

 - iii) Tindakan memudharatkan yang diadu _____

Peringatan :

- Sila kemukakan dokumen sokongan jika ada.
- Jika ruang tidak mencukupi gunakan helaian tambahan

SULIT

NO RUJUKAN: _____

PENGAKUAN	
1	Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar
2	Saya faham sekiranya aduan ini didapati palsu atau melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, saya akan didakwa.
3	Saya bersetuju/ tidak bersetuju supaya maklumat ini boleh dimajukan kepada Jabatan lain yang berkenaan untuk disiasat sekiranya aduan ini bukan di bawah bidang kuasa Agensi Penguatkuasaan ini.
Tandatangan:	
Nama:	
Tarikh:	

Untuk kegunaan pejabat

No. Rekod

Pegawai yang menerima aduan

Tarikh

Keputusan Pengarah/ Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit/ Seksyen/ Sektor

Siasat dan laporkan

Salur maklumat kepada Jabatan/ Agensi

.....
Pengarah/ Ketua Jabatan/ Bahagian / Unit

**BORANG MAKLUMAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

NO RUJUKAN: _____

.....

.....
(Nama & Alamat Pemberi Maklumat)
.....

Tuan,

MAKLUMAN HASIL PENYIASATAN NO RUJUKAN FAIL :

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Selaras dengan seksyen 13(4) atau 14(6) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dengan ini dimaklumkan bahawa hasil siasatan oleh Jabatan / Bahagian ini ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudharatkan dan keterangan yang dikemukakan pada (tarikh) adalah seperti berikut :-

i.

ii.

iii.

3. Kerjasama pihak tuan diucapkan ribuan terima kasih.

.....

Tandatangan Pegawai:


Nama:

Jawatan:

Tarikh:

CARTA ALIRAN

**PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**



**PERINTAH PEMBATALAN
DI BAWAH SUBSEKSYEN 11 (1)
AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

No. Rujukan Fail :

Negeri:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1)(a/b/c/d/e/f) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711],
(Agensi Penguatkuasaan) dengan ini
 membatalkan Perlindungan Pemberi Maklumat kepada
No. Kad Pengenalan/
 No.Tentera/ Pasportyang diberikan
 menerusi pendedahan kelakuan tidak wajar berujukan
bertarikh Pembatalan ini berkuat kuasa mulai
berdasarkan alasan seperti berikut;


.....

Dibuat pada haribulantahun 20

.....
 Ketua Jabatan
 (Suruhanjaya Tenaga)

CARTA ALIRAN

MENGENDALIKAN DAN
MENGURUSKAN REMEDI DARIPADA MAHKAMAH
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010



**BORANG PERMOHONAN REMEDI
 DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

NO RUJUKAN:

1. Nama: _____
 2. No.Kad Pengenalan/No.Tentera/Pasport: _____
 3. Jantina: Lelaki Perempuan
 4. Hubungan dengan Pemberi Maklumat (*Jika berkaitan*): _____
 5. No. Rujukan Kes (*Jika Berkaitan*) : _____
 6. Tarikh Keputusan Siasatan (*Jika Berkaitan*): _____ hb _____ bulan _____ tahun
 7. Alamat Surat Menyurat : _____

 8. No. Telefon Rumah: _____ Pejabat: _____ Bimbit: _____
 9. Pekerjaan : _____
 10. Nama dan Alamat Majikan _____

 - 11 Tindakan Memudharatkan Yang Dihadapi
 (*sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi*) _____
 - 12 Remedi Yang Dipohon :

<input type="checkbox"/>	Ganti Rugi/ Pampasan Jumlah :	_____
<input type="checkbox"/>	Injunksi	
<input type="checkbox"/>	Penempatan Semula Tempat	
<input type="checkbox"/>	Lain-lain Relief	
 - 13 Kaedah tuntutan remedi :

<input type="checkbox"/>	Menerusi agensi penguatkuasaan
<input type="checkbox"/>	Menerusi kaedah lain
- Tandatangan _____ Tarik _____
- Nama Pemohon _____

1* - Saya bersetuju untuk menanggung segala kos sebagai ganti rugi sekiranya saya membuat permohonan pelepasan tanggungjawab daripada mahkamah.

LAMPIRAN E

**PERAKUAN PENOLAKAN PERLINDUNGAN DI BAWAH
AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

Bahawa saya, _____(Nama dan No.K/P)_____ telah diterangkan berkaitan perlindungan yang diberikan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat dan saya mengakui telah memahami perlindungan yang layak untuk saya perolehi.

Walaupun bagaimanapun, saya dengan rela hati menolak apa-apa perlindungan dibawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat dan saya dengan rela hati ingin memberikan maklumat yang saya ketahui berkaitan dengan Kes:

.....
Tandatangan Pemberi Maklumat